

17 FEB 2003

NAM-Pelancongan/I

PAMERAN PELANCONGAN IMBAS MALAYSIA KEPADA PERWAKILAN

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Perwakilan ke Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 dan wartawan asing yang membuat liputan mesyuarat itu bakal mendapat imbasan mengenai Malaysia pada Pameran Pelancongan Malaysia 2003 yang dianjurkan sempena mesyuarat itu.

Pameran yang merupakan sebahagian daripada program "Showcase Malaysia 2003", akan menonjolkan pelbagai tarikan dan destinasi pelancongan negara.

Pameran itu yang diadakan di Legar Putra, Aras 2, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bermula esok hingga 26 Feb.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan Showcase Malaysia 2003 esok.

"Perwakilan NAM dan wartawan asing, terutama yang pertama kali menjejak kaki di sini akan diberi imbasan mengenai Malaysia, apa yang terdapat di sini," kata Ketua Pengarah Pelancongan Malaysia Datuk Abdullah Joned kepada Bernama di sini hari ini.

Katanya, sebanyak 59 organisasi yang menyertai pameran itu akan mempamerkan pelbagai perkhidmatan, destinasi dan produk pelancongan Malaysia.

Ia termasuk tarikan pelancongan agro dan eko, pendidikan kesihatan, produk pelancongan sukan, homestay, menyelam, membeli belah, kraftangan serta lain-lain program.

Abdullah berkata pameran itu bukan sahaja bertujuan menonjolkan bidang pelancongan tetapi mempamerkan mengenai kemudahan bidang pendidikan dan kesihatan negara.

Sepanjang pameran itu, perwakilan NAM akan turut berpeluang bertemu tokoh-tokoh industri pelancongan, organisasi dan syarikat bagi meninjau peluang perniagaan di Malaysia.

Persembahan muzik dan tarian tradisional, kraftangan dan demonstrasi masakan tempatan akan diadakan setiap hari pameran berlangsung.

Pelbagai produk tempatan seperti batik, songket, pewter, barangan kulit dan tembikar akan dijual sepanjang pameran yang akan dibuka antara 9 pagi dan 6 petang.

Sementara itu, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan turut menganjurkan 12 pakej pelancongan menarik sempena sidang kemuncak itu.

Pakej pelancongan selepas sidang berakhir yang bertema "Must-see Must-do" memberi peluang kepada peserta melawat dan menikmati suasana sama ada di hutan rimba, pulau-pulau atau di bandar-bandar besar.

Pakej itu menyediakan program lawatan antaranya ke Sabah dan Sarawak, pantai timur Semenanjung, Langkawi, Pulau Pinang, Melaka, Cameron Highlands dan Taman Negara.

-- BERNAMA

HS MFJ MOZ